

Headline **3 organisasi tanam pokok bakau**
Date **14 Jun 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **145 cm²**
Color **One Spot Color**
ADValue **2,378**
PRValue **7,133**



3 organisasi tanam pokok bakau

KLANG 13 Jun – Sime Darby Plantation Sdn. Bhd., dengan kerjasama KPMG Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), akan menanam lebih 150 anak pokok bakau bagi memulihkan ekosistem hutan bakau di sepanjang pantai Pulau Carey.

Pemangku Presiden/Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Bhd, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata projek berkenaan bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai kepentingan melindungi dan memulihara ekosistem hutan bakau.

“Penglibatan KPMG Malaysia bermula September lepas apabila syarikat menyumbang RM50,000 untuk membayai sebahagian daripada projek berkenaan,” kata Azhar kepada pemberita selepas merasmikan projek penanaman semula pokok bakau di Pulau Carey di sini hari ini.

Azhar berkata, FRIM akan membantu dalam projek itu dengan menawarkan bukan sahaja kepakaran tetapi juga membekalkan anak pokok bakau dan batas penanaman.

“Pembinaan struktur khas dan tiub geo sepanjang 60 meter menelan belanja lebih RM150,000.

“Struktur berkenaan, yang dibina awal tahun ini akan berfungsi sebagai pemecah ombak. Ia juga akan memerangkap lumpur dan pasir dan secara beransur-ansur menstabilkan tanah bagi menjadikannya sesuai untuk penanaman bakau,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif penanaman bakau bermula pada pada 2003 sebagai projek kerjasama antara pusat penyelidikan dan pembangunan Sime Darby Plantation serta Universiti Malaya (UM) untuk memulihara dan meningkatkan biodiversiti Pulau Carey.

“Pusat berkenaan, yang pertama seumpamanya dalam negara, membolehkan siswa dan penyelidik UM menjalankan kerja lapangan dan penyelidikan terhadap ekosistem bakau,” kata beliau.

- BERNAMA